

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 04/09/2007

# Rakyat doakan Mahathir selamat dibedah

Um - 4/9/2007

Oleh THOMAS CHONG  
dan MUHAMMAD DAYNE AZMIN

KUALA LUMPUR 3 Sept. – Tun Dr. Mahathir Mohamad akan menjalani pembedahan pintasan koronari di Institut Jantung Negara (IJN) di sini pada pukul 8 pagi esok.

Anak beliau, Datuk Mukhriz berkata, ayahnya akan dimasukkan ke bilik pembedahan pada pukul 6.45 pagi dan pembedahan dijalankan pada pukul 8 pagi.

“Saya menjangka pembedahan mengambil masa empat hingga enam jam bergantung kepada tahap kesihatan ayahanda saya,” katanya ketika ditemui di Masjid Jamek Kampung Baru di sini selepas satu majlis solat hajat.

Mukhriz mengharapkan rakyat Malaysia sama-sama mendoakan Dr. Mahathir selamat menjalani pembedahan pagi esok.

Solat hajat memohon kejayaan pembedahan tersebut diadakan di Masjid Jamek Kampung Baru malam ini diimamkan oleh Imam Besar masjid itu, Abdul Ahad Abu Bakar.

Seramai 100 orang menunaikan solat hajat itu termasuk Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Aziz Shamsudin, Ahli Parlimen Kota Bharu, Datuk Zaid Ibrahim dan bekas Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Khalid Yunus.

Mukhriz berkata, bekas Perdana Menteri itu berada dalam keadaan sihat menjelang pembedahannya dan boleh bercakap seperti biasa.

“Pembedahan itu memang dalam perancangan kami... ia bukan disebabkan beliau mengalami serangan jantung mengejut,” katanya.

Beliau menjelaskan, pembedahan tersebut adalah susulan daripada pembedahan pintasan koronari pertamanya pada tahun 1989.

“Tun (Dr. Mahathir) mengalami serangan jantung ketika berada di Langkawi baru-baru ini dan pembedahan mesti disegerakan untuk mengelak terjadi lagi serangan pada



TUN DR. MAHATHIR tersenyum di sisi cucunya, Shasha, di Institut Jantung Negara, Kuala Lumpur, kelmarin. Di belakangnya ialah isterinya, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali. Shasha atau nama penuhnya Shaista Mayada Sosrowardoyo ialah cahaya mata kepada anak sulung pasangan itu, Datin Paduka Marina. Gambar ini yang dirakamkan menggunakan kamera telefon bimbit disiarkan Marina dalam laman blognya, [rantingsbyimm.blogspot.com](http://rantingsbyimm.blogspot.com), semalam.

# Rakyat doakan Mahathir selamat dibedah

masa akan datang," jelas Mukhriz dalam nada tenang.

Dr. Mahathir, 81, menjalani pembedahan pintasan koronari pertamanya di Hospital Besar Kuala Lumpur kira-kira 18 tahun lalu pada 24 Januari 1989.

Satu kenyataan yang dikeluarkan IJN petang ini memberitahu, pembedahan pintasan koronari ke atas bekas Perdana Menteri itu esok akan diketuai oleh Tan Sri Dr. Yahya Awang.

Dr. Yahya, pakar bedah jantung terkemuka negara, pernah menjalankan pembedahan yang sama ke atas Dr. Mahathir pada 1989.

Kenyataan itu turut menyebut Pengarah Perubatan IJN, Datuk Seri Dr. Robaayah Zambahari mengetuai panel doktor yang merawat Dr. Mahathir.

Dr. Mahathir yang juga seorang doktor perubatan bersara daripada jawatan Perdana Menteri pada 31 Oktober 2003. Beliau dimasukkan ke IJN pada 18 Ogos lalu untuk menjalani pemeriksaan rutin dan menjalani ujian kardiak yang komprehensif.

Beliau dibenarkan pulang dua hari kemudian pada 20 Ogos.

Dr. Mahathir yang melalui kehidupan aktif walaupun selepas bersara baru-baru ini menjadi tetamu kehormat pada perbarisan Hari Kemerdekaan Ke-50 di Dataran Merdeka di sini.

Menurut Mukhriz, ayahnya masih dalam keadaan normal dan sihat tetapi doktor tidak meng-

galakkan beliau menerima pengunjung terlalu ramai.

"Doktor mahu ayahanda saya berehat sebelum pembedahan itu.

"Semangat ayahanda saya masih kuat malah selera makannya masih ada kerana dia sempat berpesan pada saya supaya membeli makanan kegemarannya iaitu kuih koci dan apam manis," kata beliau.

Mukhriz menjelaskan, ayahnya yakin kebarangkalian untuk sembuh selepas pembedahan itu adalah tinggi berdasarkan kecanggihan teknologi rawatan sekarang.

Beliau bagaimanapun melahirkan sedikit kebimbangan keadaan Dr. Mahathir selepas pembedahan.

Proses untuk sembuh, katanya, mungkin mengambil masa yang lama.

Pada pukul 6 petang ini, Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor turut berada di IJN melawat bekas Perdana Menteri itu yang mentadbir Malaysia selama 22 tahun.

Beliau juga diberitahu bahawa Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah dimaklumkan mengenai rancangan pembedahan itu oleh Dr. Mahathir sendiri.

Turut melawat Dr. Mahathir di IJN hari ini ialah Menteri Kesenian, Kebudayaan dan Warisan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim dan Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Mohd. Johari Baharum.